

**KENYATAAN MEDIA PERDANA MENTERI,  
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
DI MESYUARAT MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

**11 OGOS 2015 (SELASA), 5.30 PETANG  
BILIK MESYUARAT PERDANA, ARAS 3, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PERDANA PUTRA, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Ahli-ahli Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB),

Pihak media serta para hadirin sekalian.

**Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Bersama  
Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

1. Semenjak TERAJU ditubuhkan pada tahun 2011, ia telah mengadakan banyak sesi *engagement* dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Bumiputera untuk mendapatkan maklumbalas dan

cadangan yang membina dalam usaha penambahbaikan program-program serta inisiatif sedia ada khususnya terhadap pembangunan usahawan Bumiputera.

2. Hasil daripada pelbagai sesi *engagement* tersebut, TERAJU menerusi Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) telah menyarankan beberapa pendekatan untuk memastikan Agenda Bumiputera dapat dilaksanakan secara lebih teratur dan efektif. Di antaranya, adalah dengan bekerjasama dengan pelbagai pihak swasta, bank, Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC, Kementerian, dan Agensi-agensi Kerajaan yang mana kesemua kerjasama tersebut telahpun dijalankan dan diumumkan sebelum ini.
  
3. Bagi meningkatkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), MEB telah memutuskan untuk memperkasakan lagi peranan NGO dalam melaksanakan program-program pembangunan kapasiti melalui latihan dan penyelidikan, pembiayaan, dan program kesedaran atau '*outreach*' menerusi kaedah kerjasama bersama TERAJU.

4. Dengan cara ini, program yang dianjurkan oleh setiap NGO akan menjadi lebih tersusun, berdaya saing dan secara tidak langsung mengurangkan pertindihan program selain merapatkan jurang ekonomi yang sedia wujud diantara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera.
  
5. Selama ini kami telah menerima banyak permohonan bantuan kewangan daripada NGO-NGO untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemerksaan ekonomi Bumiputera, tidak kira sama ada dipohon menerusi Agensi-agensi Kerajaan, Kementerian-kementerian, dan tidak kurang juga yang menulis terus kepada saya. Maka, sudah tiba masanya satu peruntukan disediakan kepada NGO-NGO dan dana ini diuruskan secara tersusun dan telus melalui TERAJU, bersesuaian dengan peranannya sebagai sebuah badan yang mengelola agenda ekonomi Bumiputera.
  
6. Justeru, pada hari ini, sukacita saya umumkan bahawa **peruntukan sejumlah RM 20 juta akan disalurkan melalui TERAJU kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang terpilih bagi menjalankan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Sepertimana program-program lain yang telah diluluskan dan dijalankan oleh TERAJU bersama rakan strategik seperti GLC, Agensi Kerajaan, bank-bank dan syarikat-syarikat swasta, TERAJU menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), *output* dan *outcome* yang jelas kepada setiap NGO yang terlibat. Ini adalah untuk memastikan keberkesanan program dalam mencapai sasaran serta matlamat yang telah ditetapkan. Ini juga adalah untuk memastikan bahawa program-program dijalankan secara efektif.
  
8. Secara keseluruhannya, TERAJU telah menerima 40 kertas cadangan berkenaan pembiayaan, pembangunan kapasiti melalui latihan dan penyelidikan, serta program kesedaran atau '*outreach*' daripada NGO-NGO yang mewakili kepentingan *business community*, termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Tahniah saya ucapkan kepada 12 NGO yang telah terpilih untuk melaksanakan 17 program pembangunan usahawan ini. NGO-NGO ini dipilih berdasarkan kesesuaian program yang dicadangkan dan impak kepada pembangunan usahawan Bumiputera.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Dengan penglibatan NGO di dalam pembangunan keusahawanan komuniti Bumiputera, saya berharap ianya akan dapat melahirkan lebih ramai usahawan berkualiti dan berdaya saing yang mampu mengembangkan perniagaan bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi*

*Wabarakatuh.*